

No. Rujukan : UTeM.100-1/3/5 (26)



SURAT PEKELILING KEWANGAN BILANGAN 7 TAHUN 2023

PENGEMASKINIAN PERATURAN KADAR DAN SYARAT TUNTUTAN ELAUN, KEMUDAHAN DAN BAYARAN KEPADA PEGAWAI UNIVERSITI SEMASA BERKURSUS

Pejabat Bendahari

29 Mac 2023

Disalinkan kepada :

Naib Canselor

Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)

Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi)

Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar)

Penolong Naib Canselor (Jaringan Industri & Masyarakat)

Penolong Naib Canselor (Pembangunan & Pengurusan Fasiliti)

SURAT PEKELILING KEWANGAN BIL. 7/2023

**PENGEMASKINIAN PERATURAN KADAR DAN SYARAT TUNTUTAN ELAUN,
KEMUDAHAN DAN BAYARAN KEPADA PEGAWAI UNIVERSITI SEMASA
BERKURSUS**

1.0 TUJUAN

- 1.1 Surat Pekeliling Kewangan ini dikeluarkan bertujuan untuk memaklumkan kepada semua staf Universiti Teknikal Malaysia Melaka mengenai pengemaskinian Peraturan Kadar Dan Syarat Tuntutan Elaun, Kemudahan Dan Bayaran Kepada Pegawai Universiti Semasa Berkursus.

2.0 LATAR BELAKANG

- 2.1 Kementerian Kewangan telah mengeluarkan pindaan mengenai kadar dan syarat tuntutan elaun, kemudahan dan bayaran kepada pegawai perkhidmatan awam semasa berkursus kecuali kursus pra perkhidmatan melalui Pekeliling Perbendaharaan Malaysia WP 1.10.
- 2.2 Pindaan peraturan berkenaan adalah merangkumi pindaan kadar bayaran sewa hotel dan elaun lojing bagi Semenanjung Malaysia dan Sabah, Sarawak dan WP Labuan, pindaan kelayakan kelas penerbangan ke luar negara dan pengemaskinian senarai negara-negara mengikut kategori bagi tuntutan elaun makan, pendahuluan diri sewa hotel dan elaun lojing semasa berkursus di luar negara.

- 2.3 Walau bagaimanapun, peraturan ini telah dikemaskini semula secara keseluruhan bagi memastikan amalan pelaksanaan pengurusan kewangan adalah selaras dengan peraturan yang berkuat kuasa termasuk mengguna pakai pindaan peraturan WP 1.10.
- 2.4 Mesyuarat Lembaga Pengarah Universiti Bil. 1/2023 pada 1 Mac 2023 telah meluluskan pengemaskinian Peraturan Kadar Dan Syarat Tuntutan Elaun, Kemudahan Dan Bayaran Kepada Pegawai Universiti Semasa Berkursus.

3.0 PINDAAN

- 3.1 Pengemaskinian Peraturan Kadar Dan Syarat Tuntutan Elaun, Kemudahan Dan Bayaran Kepada Pegawai Universiti Semasa Berkursus melibatkan beberapa pindaan seperti berikut:
- i. Kadar Bayaran Sewa Hotel bagi Semenanjung Malaysia dan Sabah, Sarawak dan WP Labuan
 - ii. Kadar elaun lojing bagi Semenanjung Malaysia dan Sabah, Sarawak dan WP Labuan
 - iii. Kelayakan kelas penerbangan ke luar negara melibatkan pegawai Gred 53 hingga Utama/Khas B
 - iv. Larangan kelulusan melebihi kadar kelayakan bagi Bayaran Sewa Hotel
 - v. Tuntutan bayaran perkhidmatan dan cukai perkhidmatan atau bayaran lain yang diwajibkan ke atas sewa hotel
 - vi. Kuasa Melulus tuntutan *late check out* hotel
 - vii. Pengguguran Borang Pengesahan Penginapan Tanpa Pesanan Tempatan
 - viii. Penjelasan mengenai tafsiran Kadar Tambang Gantian yang dirujuk
 - ix. Penambahan senarai negara-negara terkini mengikut kategori bagi tuntutan elaun makan, pendahuluan diri sewa hotel dan elaun lojing kerana menjalankan tugas rasmi di luar negara

- x. Pindaan-pindaan yang lain adalah seperti yang termaktub dalam Peraturan Kewangan dan Perakaunan Universiti (PKPU), Lampiran 1 Bab A Governan Manual Had Kuasa Pejabat Bendahari berkaitan Pengurusan Pembayaran dan PKPU, Bab F Pembayaran, Peraturan 2.3.
- 3.2 Peraturan Kadar Dan Syarat Tuntutan Elaun, Kemudahan Dan Bayaran Kepada Pegawai Universiti Semasa Berkursus yang lengkap boleh dicapai di laman sesawang Pejabat Bendahari iaitu:
<https://pkpu.utem.edu.my/index.php/5-0-bahagian-pengurusan-wang-universiti-pw/bab-f-pembayaran>

4.0 TARIKH KUATKUASA

- 4.1 Semua PTj hendaklah memastikan Surat Pekeliling Kewangan ini dipatuhi sepenuhnya.
- 4.2 Surat Pekeliling Kewangan ini berkuatkuasa mulai 1 April 2023.

Sekian, terima kasih.

“MALAYSIA MADANI”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

“KOMPETENSI TERAS KEGEMILANGAN”

Saya yang menjalankan amanah,



SABARINA BINTI ABDULLAH

Menjalankan Tugas Bendahari

Universiti Teknikal Malaysia Melaka

MSR/PKPU2023